

# Pendidikan Untuk Apa

Dr. Haris Md. Jadi

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

---

After almost three decades of independence, Malaysian education is now at a cross-road. It is the choice for the decision-makers to make whether to continue the existing system which was inherited lock, stock and barrel from the colonial days or to find an acceptable alternative that would suit our needs as an independent nation. The essay argues among other things that education has a wide range of functions in a society and it is the ruling ideology that determines its philosophy and objectives. In Malaysia this is clearly felt when the process of education is engineered towards the needs of the state rather than the individual. This is done at an early stage of education where pupils are streamed according to their examination performance rather than their interest. It is argued that if this trend is unchecked, it will have negative implications upon the process of education itself. The essay also discusses the need to develop social consciousness among our children in schools. The present set up of our education is extremely rigid and culminated in a highly structured examination system which does not generate citizens which are articulate and critically conscious of their own social existence.

## Pengenalan

Pendidikan Malaysia kini adalah berasaskan kepada sistem pendidikan kolonial yang mula diperkenalkan pada permulaan abad yang ke sembilan belas melalui mubaligh-mubaligh ugama Kristian. Dari sini sistem pendidikan kolonial ini telah berjaya meluaskan pengaruhnya ke tempat-tempat di mana pentadbiran kolonial British dirasai. Perlu juga diambil kira bahawa dasar pendidikan awal pihak asing ke negara ini bukanlah hasil dari proses kolonialisme itu sendiri. Sebaliknya pendidikan mengikuti proses kolonialisme dan dalam hal ini ia merupakan aspek sampingan yang kemudian mengukuh dan menyokongnya. Misalnya ialah pembukaan Pulau Pinang dalam tahun 1786 yang telah diikuti oleh kedatangan mubaligh-mubaligh Kristian yang telah membuka sekolah Inggeris yang pertama di pulau itu pada tahun 1816. Usaha yang dibuat oleh mubaligh-mubaligh Kristian ini adalah usaha persendirian yang tidak selaras dengan perkembangan di England sendiri. Ini ialah kerana pendidikan di England pada waktu itu masih bercorak pemilihan dan elitis. Keadaan yang sedemikian berterusan hingga pada tahun 1820 di mana England telah dianggap sebagai negara yang paling tidak berpelajaran di Eropah (Archer, 1979: 96). Pendidikan di England pada waktu itu masih terasing dan kebanyakannya dikendalikan oleh gereja-gereja. Keadaan ini hanya berubah apabila Akta Pelajaran Rendah diluluskan oleh Parlimen Inggeris dalam tahun 1870 (Jarman, 1963: 210). Akta Pelajaran Rendah ini mempunyai dua aspek yang penting. Pertama ia membuka satu keadaan yang memberi pendidikan yang bercorak universal dan kedua ia menyahut perkembangan-perkembangan ekonomi yang diakibatkan oleh revolusi perusahaan yang melanda Eropah pada waktu itu. Seperti kata Jarman (*ibid.*:211):

“Dengan pertumbuhan indasteri satu tahap baharu dalam kewujudan manusia telah bermula, satu tahap yang tidak ada bandingannya dalam sejarah... Tidak pernah sebelum zaman perindasterian dirasakan perlu untuk menyusun satu sistem pendidikan untuk memberi semua kanak-kanak dengan satu ukuran pembelajaran yang menggunakan buku. Pendidikan untuk semua dalam masyarakat primitif tidak perlu, ia tidak perlu di Eropah dalam zaman pertengahan seperti juga dengan berjuta-juta orang penduduk India dan di Timur Jauh. Adalah baik dari pandangan yang sentimental untuk memikirkan masa ini sebagai kenalhuruf; ia mungkin dikehendaki sebagai objek-objek ugama;... Bagi mereka pendidikan menggunakan buku, pendidikan sekolah, tidak penting.”

Petikan di atas dengan jelas menunjukkan bagaimana proses pendidikan telah digunakan untuk mencapai tujuan tertentu dan dalam hal ini ialah untuk membekalkan gunatenaga manusia bagi menghadapi perkembangan ekonomi yang pesat pada waktu itu.

Perkembangan pendidikan yang universal di Malaysia berbeda dari segi objektifnya sebagaimana yang berlaku di England. Di negara kita sistem pendidikannya adalah berasaskan kepada Laporan Razak (1956) dan penyemakannya oleh Jawatankuasa Pelajaran 1960. Perakuan-perakuan dari kedua-dua laporan ini di samping dijadikan sebagai asas pendidikan negara, ia juga dijadikan sebagai bidang rujuk kepada penggubal dasar pelajaran kebangsaan. Laporan Razak yang menjadi tunjang kepada dasar pelajaran kebangsaan adalah berteraskan objektif-objektif kebudayaan dan kenegaraan. Seperti apa yang ternyata di dalam rangka rujuk laporan tersebut, ia berhasrat untuk membentuk "satu sistem pelajaran kebangsaan... yang akan memuaskan keperluan mereka dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik sebagai sebuah negara" (Laporan Razak, 1956: para 1) dan matlamat akhirnya ialah "hendak membawa bersama-sama kanak-kanak dari semua ras di bawah satu sistem pelajaran kebangsaan di mana bahasa kebangsaan adalah bahasa pengantar utama" (ibid. para. 12).

Walaupun bidang rujuk Laporan tersebut menampakkan kesamaran dari segi matlamat yang hendak dicapai, namun demikian beberapa ciri yang terpenting dapat ditarik darinya. Yang jelas dari pernyataan tersebut ialah proses integrasi nasional yang disokong oleh dasar satu bahasa pengantar sebagai objetif penting Laporan tersebut. Keadaan ini dapat difahami kerana ketika Laporan tersebut disediakan negara masih belum mencapai taraf kemerdekaan sepenuhnya dan masalah yang nyata pada waktu itu ialah warisan dari pemerintahan penjajah berhubung dengan kepelbagaiaan penduduk yang wujud yang perlu diselesaikan oleh pemimpin-pemimpin negara kelak. Oleh itu apa yang hendak diketengahkan oleh Laporan Razak adalah satu falsafah bahawa di dalam sebuah masyarakat majmuk sekolah dapat memainkan peranan penting dalam membina satu suasana ke arah "penyemaian nilai-nilai yang dipersestuiji" (Zeigler & Peak, 1971: 212). Dalam ertikata yang lain sekolah dianggap sebagai tempat yang dapat menyebarkan norma-norma kebudayaan yang baharu. Keutamaan ke arah kenegaraan ini kerap ditekankan oleh Datuk Abdul Razak bin Hussein, Menteri Pelajaran pada waktu itu. Misalnya, apabila beliau membentangkan Laporan tersebut ke Majlis Perundungan Persekutuan, beliau telah menegaskan:

"Laporan pelajaran ini di mana saya anggap sebagai satu yang praktikal, terletak atas sistem pelajaran kebangsaan di atas mana satu negara Malaya yang bersatu akan dilahirkan..."

(Majlis Perundungan Persekutuan, 7 Mac 1957)

Manakala pendidikan itu sendiri bukanlah satu institusi yang tidak ditembusi oleh pertikaian dan persengketaan, dan di dalam kontek masyarakat majmuk itu yang berkaitan dengan pendidikan sering menimbulkan kontroversi, namun demikian, ia diandaikan sebagai sebuah institusi yang selamat di mana kesan perubahannya adalah beransur dan rombakan sosial yang diakibatkan olehnya adalah minima. Kedua ialah peranan politik yang dapat dimainkan oleh pendidikan dianggap penting sebagai alat untuk memasyarakatkan generasi baharu. Seperti kata Coleman (1965: 3), "Di satu masa dianggap sebagai institusi yang konservatif yang mengekal dan menyebarkan kebudayaan, sistem pendidikan sekarang sering dilihat sebagai penentu utama dalam semua bentuk perubahan".

Peristiwa 13 Mei telah membuka satu lembaran baharu dalam sejarah negara kita. Kesan dari peristiwa itu begitu meluas hingga membawa kepada perombakan semula institusi-institusi yang difikirkan tidak lagi sesuai untuk menghadapi cabaran dan kehendak masyarakat. Di antara yang terlibat di dalam rombakan ini ialah institusi pendidikan. Di dalam rangka pemikiran baharu yang muncul akibat dari peristiwa ini, pendidikan telah diberikan peranan yang lebih spesifik iaitu bukan sahaja "untuk memenuhi keperluan-

keperluan ekonomi tetapi juga untuk mengeluarkan dengan lebih banyak kaktangan yang mahir bagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu" (Rancangan Malaysia Kedua, 1971: 250). Dasar Ekonomi Baharu ini pada asasnya tidak terkeluar dari objektif asas kenegaraan sebagaimana yang terkandung di dalam Laporan Pelajaran Razak yang memberi keutamaan terhadap perpaduan negara. Ditekankan di dalam Dasar Ekonomi Baharu bahawa matlamatnya untuk membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (*ibid*: 4-7) akan dapat membantu ke arah tercapainya hasrat perpaduan sebagaimana yang diharapkan. Laporan Kabinet (1979: 1) juga mengukuhkan lagi aspek-aspek tadi dengan mempunyai rangkarujuknya yang merangkumi kedua-dua aspek untuk mencapai perpaduan dan memenuhi keperluan tenaga rakyat. Bidang rujuk Laporan Kabinet adalah seperti berikut:

"Mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang termasuk kurikulumnya dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk mempastikan bahawa keperluan tenaga rakyat dapat dipenuhi samada dari segi jangka pendek maupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersepdu berdisiplin dan terlatih." (*ibid*: 1)

Di sini dengan jelas menunjukkan bahawa pendidikan telah dijadikan alat negara bukan sahaja dari aspek ke arah integrasi nasional tetapi juga ke arah pertumbuhan guna tenaga manusia. Pendidikan sebagai satu alat yang digunakan untuk mencapai hasrat kenegaraan adalah perkara biasa. Ini ialah kerana pendidikan itu tidak berkecuali sifatnya. Ia berfungsi samada sebagai alat untuk penjinakan atau untuk pembebasan (Freire, 1972). Oleh itu tepatlah jika pendidikan dijadikan sebagai satu alat kawalan sosial dan justeru itu sering diawasi oleh pemerintah dengan penuh cemburu. Dalam keadaan yang sedemikian tidak hairanlah jika ia dijadikan sebagai alat untuk mencapai tujuan negara kerana proses pendidikan itu sendiri dan kesannya begitu pelbagai serta dapat mempengaruhi individu dan masyarakat. Seperti kata Peters (1967: 1) bahawa pendidikan tidak merujuk kepada mana-mana proses sebaliknya ia merangkumi kriteria di mana salah satu dari keluarga proses perlu akur. Pernyataan Peters ini memberi makna yang begitu luas termasuk berbagai bentuk penggunaan. Unesco (1973: 6) misalnya menekankan bahawa matlamat pendidikan ialah untuk membawa kepada tujuan akhir yang lebih luas iaitu ke arah perubahan dan transformasi sosial. Oleh itu tidaklah menghairankan jika pendidikan digunakan untuk mencapai objektif-objektif sebagaimana yang dikehendaki oleh golongan yang menguasai jenteranya. Namun demikian kebanyakan negara menganggap pendidikan sebagai satu unsur yang boleh membawa kepada ikatan nasional dan sosial (Unesco, *ibid*: 85), di samping sumbangannya yang penting ke arah perkembangan modal manusia (Schultz: 1979).

Apa yang dinyatakan di atas mencerminkan satu corak matlamat kemasyarakatan dan kenegaraan. Bagaimana ia dilaksanakan bergantung kepada ideologi sesebuah negara dan kepimpinan pendidikan yang wujud. Laporan Kabinet (*ibid*: 3) misalnya ada menyentuh tentang aspek ini di mana ia menyatakan bahawa tujuan pendidikan ialah untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berdisiplin dan matlamat ini adalah ke arah matlamat kenegaraan. Oleh itu jika dikaji matlamat pendidikan Malaysia dari Laporan Razak hingga ke Laporan Kabinet ia mencerminkan satu falsafah 'statist' di mana ia meletakkan keutamaan negara lebih tinggi dari keperluan dan perkembangan individu.

### Pendidikan Malaysia Kini

Telah dinyatakan di atas bahawa pendidikan Malaysia adalah bermatlamatkan kenegaraan dan kurang menekankan aspek-aspek perkembangan individu. Andaianya ialah dengan menyediakan jenis pendidikan yang dapat mencapai hasrat negara, sifat individu juga akan berkembang dan oleh itu dapat memuaskan kedua-duanya sekali.

Tetapi pendapat ini tidaklah tepat kerana motivasi ke arah pencapaian matlamat kenegaraan berbeda dari kesungguhan untuk membaiki diri sendiri. Matlamat yang menekankan ke arah kepentingan negara ialah bercorak kejenteraan sosial yang dikenakan dari luar melalui peraturan, syarat dan perundangan. Biasanya proses yang sedemikian tidak berkekalan kerana ia bersifat luaran dan lambang dan tidak timbul dari dalam diri individu. Sebagai contoh, dalam kegairahan hendak menyediakan tenaga manusia bagi menghadapi dan memenuhi hasrat permodenan dan pembangunan maka tekanan telah diberikan kepada pendidikan yang berorientasikan sains dan teknologi. Tekanan yang diberikan kepada sains dan teknologi ini adalah wajar bagi menyahut perkembangan-perkembangan teknologi moden dalam usaha hendak membangunkan negara. Ia juga dirasakan perlu bagi memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baharu yang dilancarkan oleh Kerajaan dalam tahun 1971. Seperti yang tercatit di dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971: 260) tumpuan yang diberikan ke dalam bidang pendidikan diarahkan kepada empat bidang dan di antaranya ialah “memperbaiki mutu pelajaran untuk membentuk satu masyarakat yang maju berasaskan kepada sains dan teknologi moden” (*ibid*: para 732).. Memandangkan kekurangan yang begitu ketara di dalam kumpulan iktisas (lihat jadual 1) dan separa iktisas (lihat jadual 2) maka perancangan ke arah melahirkan golongan-golongan tersebut adalah wajar dan perlu disegearkan. Pelunjuran yang dibuat oleh Laporan Kabinet (1979: 10 & 11) hingga ke tahun 1985, masih tidak memenuhi kekurangan di dalam profesion-profesion yang tersebut kecuali dalam bidang penguruan yang melihatkan kelebihan dalam pengeluaran guru-guru siswazah sains.

**Kedudukan Tenaga Rakyat Kumpulan Ikhtisas  
Pada Tahun 1985**

Bil.	Pekerjaan	Keperluan	Setok	Kelebihan (+)/Kekurangan (-)
1.	Guru Latihan Maktab	84890	86965	+ 2075
2.	Guru Siswazah Sains	7803	9570	- 1767
3.	Guru Siswazah Sastera	9178	8584	- 594
4.	Jurutera	7398	6239	- 1159
5.	Doktor	5243	4332	- 911
6.	Doktor Pergigian	1363	759	- 604
7.	Peguam	2726	1726	- 1000
8.	Akitek	454	366	- 88
9.	Jurukur	469	413	- 56
10.	Doktor Haiwan	447	341	- 106

JADUAL 1: Sumber: Laporan Kabinet, 1979: 10.

**Kedudukan Tenaga Rakyat Kumpulan Separa Ikhtisas  
Pada Tahun 1985  
(Sektor Awam Sahaja)**

Bil.	Pekerjaan	Keperluan	Setok	Kelebihan (+)/Kekurangan (-)
1.	Juruteknik	29592	23170	+ 6422
2.	Jururawat	9630	9140	- 490
3.	Pembantu Hospital	1780	1590	- 190
4.	Jururawat Pergigian	1000	620	- 380
5.	Pembantu Doktor Haiwan	1788	814	- 974

**JADUAL 2: Sumber: Laporan Kabinet, 1979: 11**

Objektif pendidikan yang bermatlamatkan ke arah memenuhi guna tenaga manusia ada kelemahannya. Ia dengan tidak disengajakan bertakrif bahawa pendidikan merupakan sebagai proses untuk persijilan dan seterusnya ke arah sesuatu pekerjaan yang telah dispesifikan. Amalan bahawa proses pendidikan itu hendaklah ditumpukan ke sesuatu bidang pengkhususan juga merupakan satu daripada aspek kejuruteraan sosial yang boleh membawa kesan yang negatif terhadap proses pendidikan itu sendiri.

Pendidikan di negara kita yang pada umumnya diertikan sebagai pendidikan formal telah dilihat sebagai satu jenis ubat yang boleh menyembuhkan banyak penyakit sosial dan ekonomi yang terdapat di dalam negara, walaupun sering diakui bahawa pendidikan itu sendiri tidak dapat menyelesaikan banyak masalah yang timbul. Tidak dapat dinafikan juga bahawa matlamat pendidikan itu sendiri yang berpuncanya dari objektif perpaduan dan ke arah memenuhi keperluan guna tenaga manusia telah melibatkan kesan-kesan yang negatif. Pandangan sedemikian jika tidak dibendung akan mengakibatkan ketidakpuasan hati terhadap proses pendidikan itu sendiri.

Salah satu faktor yang membawa kepada keadaan yang tidak menyenangkan ini ialah perkaitan yang rapat di antara sekolah dan pekerjaan bergaji. Proses ini ada kaitannya dengan pengenalan sistem pendidikan barat di mana pada peringkat awal penjajahan anak-anak tempatan diambil untuk berkhidmat di dalam pentadbiran penjajahan berdasarkan sekolah dan sijil yang telah mereka terima. Dengan kemerdekaan proses ini masih diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian tetapi tidak mengubah dasar asalnya.

Pada asasnya, kriteria yang digunakan ialah semakin lama seseorang itu bersekolah maka semakin tinggilah ganjaran gaji yang mereka akan terima. Misalnya seseorang yang hanya tamat Sijil Pelajaran Malaysia dan yang memerlukan persekolahan selama 11 tahun akan mendapat gaji permulaan  $1/3$  banyaknya dari rakan-rakan mereka yang berkelulusan universiti yang memerlukan masa selama 17 tahun belajar. Oleh kerana untuk memasuki ke universiti begitu kuat pertandingannya maka bermulalah proses mengejar sijil di peringkat awal kanak-kanak lagi apabila mereka telah mula didedahkan kepada ciri-ciri persekolahan. Bagi kanak-kanak yang sudah memasuki sistem persekolahan formal, ia tidak terhenti apabila loceng tamat sekolah dibunyikan. Ibubapa akan menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tambahan untuk menyediakan mereka menghadapi peperiksaan samada bentuk penilaian yang diberi oleh sekolah pada setiap bulan dan tahun ataupun untuk menjamin bahawa anak-anak mereka akan lulus di dalam peperiksaan awam yang akan mereka ambil

kelak. Dalam keadaan yang sedemikian tidak hairanlah jika ada yang menyatakan bahawa proses pendidikan yang kita sediakan kepada anak-anak kita samalah seperti satu upacara yang menyakitkan.

Memandangkan tangga yang mesti didaki oleh seseorang kanak-kanak sebelum proses persekolahan mereka tamat maka tidak hairanlah jika apabila mereka mendapat ijazah atau sijil mereka menuntut ganjaran yang setimpal dengan kelulusan yang mereka perolehi. Ini ialah kerana sistem yang terdapat telah dirangka begitu rupa yang hanya mengiktiraf sijil seseorang sebelum mereka diterima untuk memegang sesuatu jawatan. Sebagai contoh, seorang guru matematik yang hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan telah berpengalaman mengajar tingkatan lima selama sepuluh tahun akan digantikan oleh seorang guru siswazah yang baharu keluar universiti. Keadaan yang sama juga berlaku di bidang-bidang lain seperti pegawai pertanian dan pegawai pentadbir. Ini ialah disebabkan dua perkara. Pertama, sistem pentadbiran melihat kelulusan, bukan pengalaman dan kecekapan bagi menentukan sesuatu tugas dan kedua individu-individu yang berpengalaman ini oleh kerana gaji mereka rendah disebabkan struktur ganjaran yang telah diterangkan tadi, dirasakan tidak adil bagi meneruskan tugas-tugas di peringkat yang tinggi, walaupun mereka telah menunjukkan prestasi yang memuaskan semasa menjalankan tugas-tugas tersebut. Keadaan ini adalah anih kerana pengalaman dan kebolehan individu tidak diambil kira dalam proses agihan ganjaran. Dari dasar yang sedemikian timbulah apa yang dikatakan oleh Nyerere (1968: 52) sifat “keangkuhan intelek” yang melanda negara-negara Dunia Ketiga dan negara kita tidak terkecuali darinya. Oleh itu, jika pendidikan masih dikekalkan objektifnya sebagai paspot untuk mendapatkan pekerjaan dan status, maka kita dengan sengaja merancangkan jerangkap samar bagi negara kerana apa akan terjadi jika apa yang mereka aspirasikan selama berada dibangku sekolah tidak mereka perolehi!

### Krisis Relevan

Sehubungan dengan matlamat pendidikan untuk pekerjaan yang spesifik telah juga timbul persoalan relevannya sesuatu matapelajaran yang ditawarkan samada di sekolah ataupun di peringkat universiti. Perkara ini sering dibangkitkan oleh ibubapa dan juga pembuat dasar, walaupun persoalan samada sekolah patut menawarkan kursus yang relevan merupakan satu perkara yang sukar untuk dijawab. Ini ialah kerana tidak ada institusi pendidikan yang dapat menyediakan matapelajaran yang boleh memberi kursus yang relevan kepada murid. Ada dua masalah dalam mempersoalkan hal relevan ini. Pertama ialah andaian bahawa sesuatu yang dijadikan dasar mungkin relevan pada satu masa tetapi tidak relevan pada masa yang lain. Sebagai satu contoh, sepuluh tahun yang lalu sekolah-sekolah menengah di negara kita menghadapi kekurangan guru-guru siswazah yang berkelulusan di dalam matapelajaran sains dan matematik. Untuk mengatasi masalah ini universiti-universiti negara kita telah melaksanakan program-program khusus untuk melahirkan guru-guru siswazah dalam bidang-bidang tersebut. Tetapi keadaan sekarang ini pula adalah berbeza. Oleh itu adalah kurang relevan buat masa ini untuk menumpukan latihan guru-guru siswazah sains dan matematik memandangkan ramai dari kalangan kelulusan dalam jurusan tersebut mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Perkara yang sama juga berlaku kepada matapelajaran-matapelajaran yang lain.

Kedua samada sesuatu matapelajaran atau kursus itu relevan atau tidak adalah tertakluk kepada pemikiran pembuat dasar. Di negara kita misalnya pihak pemerintah merasakan perlu diadakan pelajaran ugama yang wajib bagi murid-murid sekolah yang berugama Islam dan perkara ini sampai ke peringkat universiti di mana pelajar-pelajar yang berugama Islam diwajibkan mengambil matapelajaran ‘Tamatun Islam’. Di sini boleh diandaikan bahawa pihak pembuat dasar merasakan bahawa matapelajaran ini penting untuk dasar penerapan nilai-nilai Islam di negara ini. Tetapi keadaan ini akan berubah jika sebuah kerajaan lain pula memegang tumpuk pemerintahan atau pun Menteri Pelajaran baharu mengambil alih jawatan dari Menteri Pelajaran yang ada pada hari ini. Jika ini

berlaku maka relevannya dasar yang lama akan dipersoalkan kerana ia banyak bergantung kepada falsafah dan ideologi sesebuah kerajaan yang memerintah dan juga individu yang memegang teraju pendidikan negara.

Satu lagi perkara yang boleh dibawa perbincangan berhubung dengan masalah relevan ini ialah tentang kedudukan bahasa Inggeris. Rancangan Malaysia Kedua telah meletakkan kedudukan bahawa Inggeris sebagai bahasa kedua negara (Rancangan Malaysia Kedua, 1979: 265). Tetapi apa yang jelas ialah penekanan yang dibuat oleh pihak pemerintah terhadap bahasa Inggeris merupakan seolah-olah bahasa tersebut adalah ‘indispensable’. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris adalah penting bagi tujuan-tujuan keilmuan. Tetapi tumpuan yang diberikan kepada bahasa tersebut seperti kempen-kempen dan ganjaran kewangan adalah tidak setimpal dengan taraf rasmi yang diberikan kepada bahasa tersebut. Apa yang jelas ialah pemberatan yang keterlaluan yang diberikan kepada bahasa tersebut oleh pihak pemerintah seolah-olah hendak menjadikannya sebagai bahasa interaktif dan ini tidak relevan kepada keperluan negara keseluruhannya. Selain dari mencerminkan ideologi elit yang rata-rata menyokong penggunaan bahasa Inggeris yang lebih luas, dasar bahasa Inggeris yang ada sekarang ini juga merupakan satu penerusan dasar penjajah yang hanya menguntungkan sebahagian kecil penduduk negara. Ini tidak termasuk pukulan yang dikenakan terhadap perkembangan bahasa kebangsaan negara keseluruhannya.

Relevannya sesuatu matapelajaran itu ialah apabila ia dapat memuaskan keperluan individu dan dalam masa yang sama dapat menyediakan individu dalam menghadapi cabaran-cabaran yang akan mereka hadapi kelak. Cabaran-cabaran ini luas runglingkunya. Ia tidak terhad kepada memenuhi fungsi individu di dalam pembangunan negara. Lebih dari itu individu-individu hendaklah disediakan kepada proses pemasyarakatan yang di antara lainnya mempunyai nilai-nilai dalaman yang bertumpu ke arah aspek-aspek kemanusiaan. Sistem pendidikan yang ada sekarang ini masih belum dapat menyediakan individu ke arah pembinaan nilai universal yang luhur. Proses persekolahan, yang dihubungkan dengan pekerjaan dan makan gaji lebih membawa kepada objektif-objektif ke arah pencapaian aspek materialisme. Dalam hal yang kemudian ini kita telah mencapai kejayaannya.

Sesiapa pun tidak dapat menafikan bahawa sejak mencapai kemerdekaan, negara telah banyak menampakkan pembangunan material, sosial dan ekonomi tetapi kita juga nyata ketinggalan dalam aspek pembangunan manusia itu sendiri. Ahli-ahli teknokrat, elit-elit politik yang terlahir dalam zaman merdeka dan sedikit sebanyak telah melalui dasar pelajaran kebangsaan telah berjaya menjadikan kota-kota negara kita begitu tersergam indah dengan kemudahan-kemudahan yang ada setanding dengan negara-negara yang maju. Tetapi kegairahan yang sama tidak ditunjukkan kepada masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar yang masih belum menampakkan satu transformasi sosial, ekonomi dan psikologi yang dapat meletakkan mereka setanding dengan masyarakat di bandar. Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh kerajaan di dalam tahun 1971 telah membawa banyak perubahan dan merupakan satu transformasi di dalam bidang pendidikan dan pekerjaan. Peluang-peluang pendidikan dan pekerjaan lebih banyak terbuka kepada mereka samada di sektor awam atau swasta. Di pust-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri anak-anak dari golongan artisan, petani dan nelayan telah menampakkan keupayaan mereka di dalam bidang pelajaran jika mereka diberi peluang. Kesan dari Dasar Ekonomi Baru ini terhadap transformasi masyarakat luar bandar adalah sukar hendak dijangka pada waktu ini. Tetapi memandangkan apa yang berlaku, kepakaran yang diperolehi oleh pelajar-pelajar desa ini lebih menguntungkan kota-kota yang memang telah maju dalam segala bidang. Pengalaman juga telah menunjukkan bahawa keadaan hidup di kota lebih menarik dan individu-individu dengan mudah diserapkan ke dalam budaya kota yang lebih condong ke arah individualisme dan materialisme sebagai kayu ukur kejayaan seseorang. Kegagalan mereka untuk melibatkan diri ke dalam proses pembangunan masyarakat sering dituduh

sebagai tidak mengenang budi seperti kata pepatah Melayu ‘ibarat kacang lupukan kulit’. Tuduhan ini ada benarnya. Tetapi sebab yang lebih asas juga boleh dikesan dari sistem pendidikan formal yang mereka terima yang begitu abstrak, rigid, berdasarkan pertandingan dan cenderung ke arah memupuk satu budaya yang berdasarkan standard-standard barat. Dalam hal ini sistem pendidikan kita telah gagal mengambil kira realiti masyarakat tempatan. Akibatnya ialah kita mempunyai elit-elit yang berpengetahuan dalam bidang sains dan teknologi, pentadbir dan pemimpin-pemimpin politik yang lebih selesa berdailog dengan rakan-rakan mereka dari luar negeri tetapi berasa canggung apabila berhadapan dengan masyarakat mereka sendiri. Kepada masyarakat sendiri mereka menggunakan kaedah yang mereka alami dan dan fahami dari sejak kecil lagi iaitu mengarah, berkutab, memberi amaran, mengugut, menyindir tetapi tidak kedapatan dailog. Oleh itu tidaklah menghairankan jika kesan dari perkaedahan yang digunakan ini tidak mencapai kejayaan sebagaimana apa yang diharapkan di dalam berbagai rancangan pembangunan yang begitu mulia tujuannya.

Jadi, apakah pendidikan yang relevan bagi Malaysia? Kekosongan yang diakibatkan oleh sistem pendidikan yang terlalu rigid untuk mencapai sesuatu matlamat kenegaraan telah menyebabkan beberapa eskapisme berlaku di kalangan belia negara kita. Samasa di bangku sekolah mereka telah tidak dibekalkan dengan keupayaan yang kritis terhadap dunia yang mereka hadapi apabila tamat persekolahan kelak. Oleh itu pendidikan yang relevan sepatutnya bukan sahaja untuk membekalkan murid-murid dengan pendidikan asas yang kukuh tetapi juga untuk melahirkan kesedaran yang kritikal di kalangan mereka. Untuk mencapai tujuan ini rombakan kurikulum secara besar-besaran tidak diperlukan. Apa yang perlu dilaksanakan ialah pendidikan asas hendaklah diberi selama sebelas tahun persekolahan sebelum seseorang murid mengikuti matapelajaran yang khusus. Pengkhususan yang begitu awal yang diberikan kepada murid-murid, sebagaimana yang berlaku sekarang ini, menafikan murid-murid untuk menerima satu pendidikan keseluruhan, satu aspek yang penting di dalam pertumbuhan mental, jasmani dan rohani mereka. Di samping itu tidak kurang pentingnya ialah perkaedahan dalam melaksanakan kurikulum tersebut dengan tidak terikat dengan kaedah yang begitu formalistik, bersifat regimentasi dan penghafalan di mana peperiksaan dan pensijilan diandaikan sebagai hanya satu cara bagi mengukur kejayaan seseorang pelajar. Di sini bukanlah tujuannya hendak menafikan peperiksaan sebagai salah satu alat pengukuran yang penting bagi mengesan pencapaian seseorang individu. Sebagai alat pengukuran ia mempunyai ciri-ciri yang baik seperti untuk menghindarkan dari berlakunya dasar pilih kasih dalam proses pemilihan. Ini ialah kerana peperiksaan yang dilaksanakan dengan sah mencerminkan proses yang demokratis tanpa mengira latar-belakarang seseorang. Tetapi yang dirisaukan peperiksaan di negara kita dianggap sebagai hanya satu kriteria bagi menentukan bijak-pandai dan gagal-lulus seseorang. Di dalam masyarakat kita yang tidak merata dalam pembahagian kemudahan dan peluang hidup, sistem peperiksaan terpusat sebagaimana yang dilaksanakan sekarang ini lebih menguntungkan golongan yang mempunyai kemudahan dalam proses pembelajaran.

Penekanan yang diberi ke atas peperiksaan dan pensijilan secara keterlaluan pada asasnya adalah matlamat pendidikan bagi guru dan murid masakini. Walauapun yang hendak dicapai oleh pihak pemerintah terhadap objektif-objektif kenegaraan ia tidak dapat mengambil tempat utama kerana matlamat individu adalah ke arah pencapaian kelulusan peperiksaan yang baik sebagai tanda kejayaan. Ini dikukuhkan oleh sistem sosial negara kita yang mempunyai objektif yang sama.

Kesan dari proses pendidikan yang sedemikian dan setelah hampir tiga dekad kita merdeka, lahirlah sebuah masyarakat yang lebih mengenali lambang-lambang yang berunsurkan materialisme dan kurang memperdulikan aspek nilai murni dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh ialah orientasi pembangunan negara yang wujud hari ini lebih condong ke arah simbol-simbol materialisme seperti tersergamnya bangunan pencakar langit

dan pembinaan indasteri-indasteri berat. Orientasi pembangunan ke arah lambang-lambang ini tidak menjadi masalah jika ia seimbang dengan usaha kita hendak mengurangkan jurang kemiskinan rakyat, dapat mengambil kira perkembangan teknologi ‘intermediate’, dapat memperbaiki keadaan hidup setinggan di kota-kota dan mengambil berat terhadap alam semula jadi yang telah kita warisi dan tidak dengan sewenang-wenang merosakkannya dengan menggunakan istilah pembangunan sebagai alasannya. Jelasnya orientasi terhadap lambang-lambang seolah-olah sebagai satu pelarian bagi menghadapi masalah besar yang memang tersedia ada. Di sinilah letaknya kegagalan sistem pendidikan negara kita sekarang ini.

### **Pendidikan Ke Arah Kesedaran**

Apa yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa konsep sekolah dan peranannya masih belum berubah. Peranan tradisionalnya masih kekal sebagai satu institusi bagi meneruskan tradisi dan norma-norma masyarakat di samping mengukuhkan ideologi golongan yang memerintah. Sebagaimana yang telah diperkatakan di peringkat awal tadi bahawa pendidikan yang kita warisi ini telah mendatangkan kesan yang positif terhadap pembangunan fizikal dan material. Tetapi kelemahannya ialah kepada individu-individu yang lahir darinya lebih cenderung kepada pengekalan status-quo dari cuba memulakan sebarang pembaharuan.

Ini tidak dapat dielakkan kerana pendidikan adalah salah satu alat yang terpenting untuk tujuan-tujuan kawalan sosial di semua masyarakat. Juga ini ialah kerana pendidikan telah diandaikan sebagai sumber kepada mobiliti sosial bagi seseorang. Ilusi bahawa pendidikan dapat menaikkan seseorang dari taraf yang rendah kepada taraf yang lebih tinggi merupakan sebagai injap keselamatan kerana ia dengan tidak secara langsung mencairkan ketidakpuas hati golongan yang tak berada terhadap mereka yang berada.

Pendidikan juga merupakan alat kawalan sosial yang penting kerana mekanisme yang terbina dengannya memudahkan pemasyarakatan dan pembudayaan individu ke dalam sistem yang telah tersedia ada. Salah satu daripada sebab yang menjadikan keadaan ini berlaku ialah hubungan pendidikan dengan struktur pekerjaan dan ganjaran yang menjadi aspirasi kepada individu untuk mencapainya.

Jadi apakah alternatif kepada sistem pendidikan yang ada? Dalam hal ini kita perlu melihat satu falsafah baharu pendidikan yang lebih menumpukan kepada perkembangan mental individu supaya ia berkemampuan melihat dan memeriksa dirinya dan menghubungkannya dengan dunia. Untuk mencapai matlamat yang sedemikian adalah dicadangkan satu falsafah pendidikan yang dapat membina satu “kesedaran yang kritikal” (Freire, 1974) di kalangan individu. Pada asasnya seseorang individu yang mempunyai kesedaran yang kritikal adalah individu yang sedar tentang kewujudannya, tahu mengambil tindakan dan memahami kesan-kesan yang dihasilkan oleh tindakan tersebut. Ini meletakkan manusia sebagai subjek yang menguasai perkembangan dirinya dan tindakan-tindakan yang mereka lakukan. Seperti kata Freire (1980):

“Apabila kesedaran timbul terdapat refleksi; terdapat kesengajaan terhadap dunia. Kemanusiaan menjadi berbeza... dari haiwan. Kita sekarang bukan sahaja tahu tetapi boleh tahu bahawa kita mengetahui”

Sistem pendidikan kita pada hari ini belum mencapai tahap kesedaran yang kritikal ini. Sistem yang ada sekarang adalah bercorak ‘impersonal’ dan ditumpukan ke arah pencapaian ilmu-ilmu yang khusus dan kurang mengambil kira aspek-aspek kemanusiaan yang wujud di dalam setiap individu. Proses pendidikan yang dilaksanakan menganggap penerima ilmu sebagai objek dan jahil. Sistem pendidikan yang sedemikian bukan sahaja

terdapat di negara kita tetapi juga diamalkan oleh kebanyakan negara terutamanya di Dunia Ketiga. Ini telah dihuraikan oleh Freire (1972b: 45) seperti berikut:

“Satu penganalisaan yang terperinci terhadap perhubungan guru-murid di mana-mana peringkat di dalam atau di luar sekolah, menunjukkan ciri asasnya yang bercorak naratif. Hubungan ini melibatkan seorang subjek yang bercerita (guru) dan pesakit, objek yang mendengar (murid). Kandungannya samada dimensi realiti nilai atau empirikal, dalam proses penceritaannya menjadi tidak bernyawa dan membantu. Pendidikan sedang menderita dari penyakit penceritaan.”

Kesan dari sistem pendidikan yang sedemikian adalah mendalam. Dalam prosesnya ilmu menjadi sehala. Pendidikan di sini sama seperti proses yang berlaku di bank di mana guru membuat ‘deposit’ dengan cara memberi ilmu kepada murid yang bertindak sebagai penerima. Dalam konsep pendidikan bank ini (Freire: ibid) ilmu dianggap sebagai hadiah dari mereka yang tahu kepada mereka yang jahil dan ini sekali gus menafikan pendidikan sebagai satu proses yang dinamik dan yang memerlukan penglibatan murid untuk bersama-sama melaksanakan proses tinjauan-sat (Freire, ibid: 46). Apa yang berlaku telah menjadi sebatи kepada individu yang mengikuti proses pendidikan dan oleh itu tidaklah menghairankan jika proses pedagogi ini masih diteruskan. Memandangkan keadaan dan latar belakang yang sedemikian maka tidaklah menghairankan bahawa hubungan di antara pemimpin-penyokong, pemerintah-diperintah dan ketua-pengikut adalah berasaskan sistem pedagogi yang berunsurkan proses bank yang diterangkan tadi tanpa interaksi dan dialog yang bermakna. Di samping Freire (1972b), Bruner (1974) juga akur dengan hujah yang dikemukakan di atas. Mengikutnya:

“... Satu daripada cara yang paling penting di mana sesuatu kebudayaan dapat membantu dalam pertumbuhan intelek ialah melalui satu dialog di antara yang lebih berpengalaman dan yang kurang berpengalaman, dengan menyediakan satu alat untuk menginternalisasi dialog ke dalam pemikiran. Kesopanan dalam perbualan mungkin ramuan utama dalam kesopanan mengajar”

Interaksi dan dialog di antara penggubal dan pelaksana, di antara pemimpin dan pengikut adalah penting jika kita bersungguh hendak menjadikan pendidikan sebagai alat penting di dalam proses pembinaan negara. Keadaan yang sedemikian tidak akan muncul selagi proses pedagogi yang diamalkan di sekolah-sekolah hari ini diteruskan. Sebagai alat untuk kawalan sosial dan alat pemasyarakatan ke arah ideologi pemerintah ia mungkin telah menampakkan hasil yang jelas. Tetapi sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan yang sedang menghadapi cabaran-cabaran yang begitu pelbagai, adakah matlamat pendidikan yang sedemikian sudah mencukupi?

Bagi Malaysia persoalannya timbul samada perkembangan intelek yang sedemikian direstui oleh pihak pemerintah. Di dalam negara yang kuasa pemerintahannya begitu terpusat dan di mana persoalan-persoalan yang kritikal masih dicurigai, harapan untuk mengubah haluan matlamat pendidikan sudah tentu tidak direstui. Namun demikian perlu ditegaskan bahawa apa yang dianjurkan bukanlah masalah ideologi yang harus dikawal tetapi merupakan persoalan haluan dasar pendidikan dengan tujuan untuk melahirkan manusia yang diperlukan oleh Malaysia.

Proses pendidikan yang kita amalkan sekarang telah menampakkan kelemahannya sebagai tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat kita. Sistem pendidikan kita telah banyak melahirkan bijak pandai yang hanya berguna bagi membina inisiatif ke arah falsafah yang berorientasikan nilai-nilai extrinsik seperti apa' yang dijelaskan tadi. Di samping kebangaan yang kita rasai apabila melihat negara kita telah melahirkan golongan profesional di dalam berbagai jurusan dan bidang kita juga merafa turut kecewa kerana aspek-aspek kemanusiaan telah diletakkan ke tempat kedua. Oleh itu dasar pelajaran kita hendaklah ditujukan ke arah pencapaian hasrat kemanusiaan sebelum ia mencapai kehendak-kehendak yang lain.

### Apa yang perlu dibuat

Memandangkan apa yang berlaku kepada proses pendidikan di Malaysia hari ini dan kesannya kepada individu, satu falsafah baharu dikehendaki bagi menjamin supaya sumber negara yang begitu besar digunakan ke arah tujuan-tujuan pendidikan tidak disia-siakan. Pertama ialah orientasi ke arah peperiksaan dan seterusnya ke persijilan hendaklah dikurangkan atau diubah. Ia boleh dilakukan dengan melonggarkan syarat ganjaran sebagaimana yang ada sekarang ini di mana kelulusan individu menjadi kriteria utama dalam menentukan sesuatu jawatan dan pendapatannya. Ia juga membawa maksud bahawa kelulusan yang tinggi tidak boleh disama ertikan dengan kecekapan ataupun pengalaman. Jika faktor ini diambil kira, maka adalah dirasakan bahawa sistem pendidikan kita juga akan menghalau ke arah satu orientasi yang baharu di samping dapat mengurangkan ‘ketegangan pendidikan’ yang melanda kita sekarang ini.

Matlamat pendidikan yang berdasarkan kepada matlamat-matlamat yang spesifik seperti tumpuan yang diberikan kepada matapelajaran sains dan teknologi perlu dihentikan. Sebaliknya perseimbangan tumpuan hendaklah digalakkan. Apa yang berlaku di sekolah-sekolah sekarang ialah di mana murid-murid dialirkan di peringkat yang masih awal ke jurusan-jurusan tertentu apabila mereka tamat Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Umumnya mereka yang mendapat kelulusan yang baik akan dialirkan ke jurusan sains dan yang lebihnya ke jurusan sastera atau vokesyenal. Dalam kegairahan kita melahirkan manusia sains dan teknologi sistem yang diamalkan ini tidak mengambil kira minat murid apabila aliran dibuat. Dengan proses aliran yang dibuat begitu awal maka kerap berlaku di mana pelajar-pelajar yang telah dialirkan mengikut kehendak jentera pentadbiran gagal di pertengahan jalan disebabkan ketandusinan minat. Adalah disarankan supaya pengaliran murid-murid ke jurusan yang tertentu hendaklah dimulakan selepas murid menamatkan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan setelah mereka mendapat pendidikan asas yang lengkap. Dalam hal ini dasar yang sesuai ialah dengan menggunakan prinsip asas ekonomi iaitu ‘hukum permintaan dan penawaran’ di dalam pasaran pekerjaan. Hukum ekonomi ini dengan sendirinya akan menentukan jurusan mana yang akan diikuti oleh individu dan sekalu gus juga menjamin bahawa negara kita tidak akan kedapatan kelebihan manusia yang berkelulusan dalam bidang-bidang yang tertentu sahaja.

Ingin juga dicadangkan supaya negara kita lebih mengukuhkan pendidikan asasnya hingga menjadi selama sebelas tahun. Untuk melaksanakannya perancangan hendaklah dibuat supaya ia berbentuk terminal dan tidak sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan 6 ataupun ke peringkat Universiti. Ide bahawa “sekolah-sekolah menengah menyediakan murid ke pendidikan pra-Universiti” (New Straits Times 7 Jun 1985) hendaklah diubah. Ini ialah memandangkan hakikat bahawa jumlah murid yang akan sampai ke Universiti adalah terlalu kecil.

### Kesimpulan

Pendidikan adalah satu jenis pelaburan yang mahal dan melibatkan semua penduduk negara. Dasar-dasar yang berkaitan dengan pendidikan hendaklah dirancang semasakihnya dan dengan penuh teliti serta tanggungjawab sebelum ia dilaksanakan. Minat persendirian atau individu, walau bagaimana besar pengaruh dan kuasanya hendaklah jangan dijadikan asas kepada matlamat negara. Selain dari itu dasar pelajaran dari apa jenis bentuk sekalipun hendaklah jangan dilaksanakan secara ad-hoc. Malaysia tidak kekurangan dengan kepakarannya dalam bidang pendidikan dan oleh itu adalah perlu bagi sesiapa yang mengendalikan teraju pendidikan negara supaya tidak bongkak dengan kuasa politik yang ada padanya.

Akhir sekali, apabila kita bertanya soal pendidikan untuk apa, ia hendaklah ditujukan kepada individu dan minat mereka dan dengan cara ini proses pendidikan akan lebih menyeronokkan kanak-kanak; dan tidak melihat sekolah sebagai satu deraan hidup yang mereka mesti lalui.

### Bibliografi

- Archer, M. 1979 *Social Origins of Educational Systems*. London: Sage
- Bruner, J.S. 1974. *Relevance of Education*. Great Britain: George Allen and Unwin.
- Coleman, J.S. 1965. *Education and Political Development*. New Jersey: Princeton University Press.
- , 1972a, 'Education: domestication or liberation.' *Prospects*. Vol. 11. No. 2. Summer.
- Freire, P. 1972b. *Pedagogy of the Oppressed*. Hammondsworth, Middlesex: Penguin Books.
- Friere, P. 1974, *Education for Critical Consciousness*. Sheed and Ward: London.
- Davis, R. 1980. "Education for Awareness: A talk with Paulo Freire". In Mackie, R. *Literacy and Revolution: The Pedagogy of Paulo Freire*. London: Pluto Press.
- Jarman, T.L. 1963. *Landmarks in the History of Education*. London: John Murray.
- Laporan Kabinet, 1979, Kuala Lumpur: D.B.P.
- Report of the Education Committee, 1956 (Laporan Razak)*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Report of the Education Review Committee, 1960 (Laporan Rahman Talib)*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Perbahasan Majlis Perundangan Persekutuan. 7 Mac 1957.
- Malaysian Business. 1 Jun 1984.
- Nyerere, J.K. 1968 *UJAMMA: Essays on Socialism*. Dar-es-Salaam: Oxford University Press.
- Schultz, T.W. 1979, "Investment in Human Capital". In Karabel, J. and Halsey, M.H. ed. *Power and Ideology in Education*. New York: Oxford University Press.
- The New Straits Times. 17 Jun 1985.
- UNESCO 1973. *Growth and Change: Perspectives of Education in Asia*. No. 7 France: UNESCO.
- Peters, R.S. 1967. *The Concept of Education*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Zeigler, H. and Peak, W. Spring 1970. "Political Function of the Educational System". In *Society of Education*. Vol. 43. No. 2